



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69

27hb Oktober 2016

No. 22

No. 1661.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM
DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kumpulan yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991. Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjaskankan penyata kewangan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 76, Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1211

- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

PUTRAJAYA
Bertarikh 3 Ogos 2016

DATO' MUSTAFA BIN HAJI SAMAN
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PENYATA YANG DIPERTUA DAN TIMBALAN YANG DIPERTUA

Kami, KDYTM TENGKU MAHKOTA, TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, DK., SSAP., SIMP., DK (TERENGGANU), DK (JOHOR), SPMJ., PAT. dan YDH. ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN, DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN WAN HASSAN, SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP. yang merupakan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan yang terdiri daripada Lembangan Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Bagi pihak Majlis

KDYTM TENGKU MAHKOTA,
TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI
SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH,
DK., SSAP., SIMP., DK (TERENGGANU),
DK (JOHOR), SPMJ., PAT.

*Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam Dan
Adat Resam
Melayu Pahang*

Bagi pihak Majlis

YDH. ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN,
DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID
BIN WAN HASSAN,
SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP.

*Timbalan Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam Dan
Adat Resam
Melayu Pahang*

KUANTAN

Bertarikh 27 April 2016

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

Saya, YDH. ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN, DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN WAN HASSAN, SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP. (KP. 441217-06-5125), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015, mengikut

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1212

[27hb Okt. 2016]

sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya ini adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

<p>Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh YDH. ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN, DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN WAN HASSAN, SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP. di Pekan dalam Negeri Pahang Darul Makmur pada 28 April 2016</p>	<p>YDH. ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN, DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN WAN HASSAN SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP.</p>
---	---

Di hadapan saya,

TUAN RUZUAINI BINTI TUAN LAH

Majistret

Mahkamah Khas Trafik

Kuantan

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	KUMPULAN		MUIP	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah Loji Dan Peralatan (Nota 3)	153,789,533	111,447,584	135,051,539	95,098,351
Kerja Dalam Kemajuan (Nota 4)	12,395,533	47,712,629	12,395,533	47,712,629
Pelaburan Saham & Bon (Nota 5)	90,938,657	100,626,895	90,938,657	100,626,895
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari (Nota 6)	—	—	48,896,032	33,535,446
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu (Nota 7)	12,951,890	12,951,890	12,951,890	12,951,890
Cukai Tertunda (Nota 8)	286,430	—	—	—
	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>			
	270,362,043	272,738,998	300,233,651	289,925,211
	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>			

ASET SEMASA

Inventori (Nota 9)	9,108,185	509,454	—	—
Penghutang (Nota 10)	53,064,022	5,605,729	50,345,417	2,931,147
Pelbagai Penghutang dan Deposit (Nota 11)	32,764,298	1,801,779	31,420,621	548,293
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari (Nota 12)	—	—	2,134,000	134,000
Cukai Dikembalikan	108,552	—	—	—
Simpanan Tetap	1,414,489	1,493,556	—	—
Pelaburan Mudharabah (Nota 13)	177,674,289	151,591,986	177,674,289	151,591,986

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1213

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pelaburan Portfolio (Nota 14)	3,310,178	3,015,657	3,310,178	3,015,657
Tunai Di Tangan dan Bank (Nota 15)	18,139,772	42,167,459	12,597,913	40,925,956
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	295,583,786	206,185,620	277,482,418	199,147,039
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
LIABILITI SEMASA				
Pembiayaan Perniagaan	3,244,590	1,558,239	—	—
Pelbagai Pembiayaan dan Akruan (Nota 16)	41,854,637	7,261,352	39,013,298	4,043,805
Wang Cagaran, Deposit dan Pendahuluan (Nota 17)	181,110	181,610	181,110	181,610
Jumlah Terhutang kepada Syarikat Berkaitan	656,892	—	—	—
Pembiayaan (Nota 18)	558,558	—	—	—
Kemudahan Overdraft	915,402	362,709	—	—
Pembiayaan Sewapajak	13,001	—	—	—
Pembiayaan Sawa Beli	34,133	—	—	—
Peruntukan Cukai	10,061	155	—	—
Sumbangan Kerajaan Persekutuan (Nota 19)	3,199,971	3,599,968	3,199,971	3,599,968
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	50,668,355	12,964,033	42,394,379	7,825,383
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
ASET SEMASA BERSIH	244,915,430	193,221,587	235,088,039	191,321,656
LIABILITI JANGKA PANJANG				
Pembiayaan (Nota 18)	1,115,028	1,676,071	—	—
Pembiayaan Sewapajak	11,917	—	—	—
Geran	7,000	7,000	—	—
Kepentingan Minoriti	24,548	24,757	—	—
Cukai Tertunda (Nota 8)	42,237	23,849	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,200,730	1,731,677	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
ASET BERSIH	514,076,743	464,228,908	535,321,690	481,246,867
Dibiayai Oleh:				
KUMPULAN WANG MAJLIS				
Lebihan Terkumpul	514,076,743	464,228,908	535,321,690	481,246,867
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	514,076,743	464,228,908	535,321,690	481,246,867
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1214

[27hb Okt. 2016]

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
PENDAPATAN				
Kumpulan Wang Zakat (Nota 20(a))	161,377,463	118,425,360	161,377,463	118,425,360
Kumpulan Wang Baitulmal (Nota 20(b))	24,291,272	18,659,416	24,291,272	18,659,416
Kumpulan Wang Amanah (Nota 20(c))	430,495	418,071	430,495	418,071
Kumpulan Wang Wakaf (Nota 20(d))	351,241	268,258	351,241	268,258
Kumpulan Wang Baitulmal Am (Nota 20(e))	18,969	63,326	18,969	63,326
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	186,469,440	137,834,431	186,469,440	137,834,431
Pendapatan Syarikat Subsidiari (Nota 20(f))	48,451,962	20,497,846	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	234,921,402	158,332,277	186,469,440	137,834,431
PERBELANJAAN				
Kumpulan Wang Zakat (Nota 20(a))	113,421,941	99,658,266	113,421,941	99,658,266
Kumpulan Wang Baitulmal (Nota 20(b))	20,305,067	17,871,157	20,305,067	17,871,157
Kumpulan Wang Amanah (Nota 20(c))	1,951	374,622	1,951	374,622
Kumpulan Wang Wakaf (Nota 20(d))	78,038	38,010	78,038	38,010
Kumpulan Wang Baitulmal Am (Nota 20(e))	23,785	16,995	23,785	16,995
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	133,830,781	117,959,050	133,830,781	117,959,050
Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari (Nota 20(f))	(51,591,118)	(23,706,301)	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	82,239,663	94,252,749	133,830,781	117,959,050
Lebihan/(Kurangan) sebelum Cukai dan Zakat	152,681,739	64,079,528	52,638,659	19,875,381
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Cukai	65,366	(41,580)	—	—
Zakat	(1,541)	(11,861)	—	—
Kepentingan Minoriti	208	1,156	—	—
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun Semasa	152,745,772	64,027,242	52,638,659	19,875,380
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1215

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015	2014
	RM	RM
KUMPULAN		
1 Januari	497,432,621	458,965,214
Pelarasan tahun lepas	480,249	(167,489)
	<hr/>	<hr/>
Baki dinyatakan semula	497,912,870	458,797,725
Modal Saham	15,987,968	16,293,429
Saham Premium	—	5,686,140
Lebihan Bersih bagi Tahun Semasa	49,533,189	16,614,641
Dividen dibayar	—	(7,349)
Rizab	(20,003)	48,035
	<hr/>	<hr/>
31 Disember	563,414,024	497,432,621
	<hr/>	<hr/>
MUIP		
1 Januari	481,246,867	461,533,696
Pelarasan tahun lepas	1,436,164	(162,210)
	<hr/>	<hr/>
Baki dinyatakan semula	482,683,031	461,371,486
Lebihan Bersih bagi Tahun Semasa	52,638,659	19,875,381
	<hr/>	<hr/>
31 Disember	535,321,690	481,246,867
	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	KUMPULAN	MUIP
	2015	2014
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI- AKTIVITI KENDALIAN		
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi tahun	49,469,156	16,655,065
Pelarasan:		
Pemberian Kerajaan Persekutuan Tertunda Direalisasikan	399,997	399,997
Susutnilai	5,187,493	3,424,816
Pelarasan Tahun Lepas	1,439,711	(281,476)
Faedah Diterima	—	(364,389)
Faedah Sewa Pajak	223	—
Belanja Faedah	147,276	184,759
(Keuntungan)/Kerugian dari Pelupusan Aset Tetap	(520,477)	(10,057)
	<hr/>	<hr/>
Kelebihan Perbelanjaan ke Atas Pendapatan sebelum Perubahan Modal Kerja	56,123,380	20,008,715
(Tambah)/(Kurangan) dalam Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	(69,089,542)	(3,789,844)
	<hr/>	<hr/>
	57,608,415	21,976,153
	<hr/>	<hr/>
	(69,286,598)	(3,345,020)

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1216

[27hb Okt. 2016]

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
(Tambah)/(Kurangan) dalam Jumlah Ter hutang oleh Subsidiari	(1,913,632)	280,002	(2,000,000)	192,288
(Tambah)/(Kurangan) Inventori	(4,769,716)	106,150	—	—
Jumlah Ter hutang oleh/kepada Subsidiari	(10,691,541)	666,948	—	—
Tambahan/(Kurangan) dalam Jumlah Ter hutang kepada Syarikat Berkaitan	(10,056)	—	—	—
Tambahan dalam Ter hutang oleh/kepada Syarikat Induk	10,339,051	—	—	—
Kurangan Ter hutang oleh Badan Induk	2,000,000	—	—	—
Tambahan/(Kurangan) dalam Pembiutang dan Pertaruhan	25,296,590	2,197,882	25,968,993	2,060,999
Cukai Dibayar Balik	19,585	(116,963)	—	—
Tunai dari Aktiviti-Aktiviti Kendalian	7,304,119	19,352,890	12,290,810	20,884,420
Cukai Dibayar	(21,880)	—	—	—
Tunai Bersih dari Aktiviti-Aktiviti Kendalian	7,282,239	19,352,890	12,290,810	20,884,420

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI- AKTIVITI PELABURAN

Pembelian Pelaburan/Peralatan	9,666,850	(2,395,551)	9,688,238	(3,103,486)
Pembelian Saham Subsidiari	(15,360,586)	(16,535,852)	(15,360,586)	(16,535,852)
Pelaburan Mudharabah	(26,082,303)	—	(26,082,303)	—
Kepentingan Minoriti	—	1,000,000	—	—
Pembelian Aset Tetap	(12,903,053)	(15,301,811)	(8,864,202)	(14,722,235)
Pelupusan Subsidiari	(20,003)	—	—	—
Perolehan daripada Pelupusan Aset Tetap	817,080	—	—	—
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(43,882,016)	(33,233,214)	(40,618,853)	(34,361,573)

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Pembiayaan Sewabeli/Berjangka	(559,175)	—	—	—
Pembayaran Balik Pembiutang Sewabeli	(159,499)	—	—	—
Belanja Faedah	—	(728,576)	—	—
Tambahan Pinjaman	26,001	—	—	—
Geran	—	7,000	—	—
Terbitan Saham	10,668,871	2,376,306	—	—
Premium Saham	5,319,097	—	—	—
Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pembiayaan	15,295,295	1,654,730	—	—

KURANGAN BERSIH DALAM TUNAI & KESETARAAN TUNAI

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	39,946,888	55,355,031	40,925,956	54,403,109
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	18,638,859	43,129,437	12,597,913	40,925,956

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1217

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Tunai dan Baki di Bank	18,139,772	41,848,458	12,597,913	40,925,956
Simpanan tetap	1,414,489	1,635,485	—	—
Overdraf Bank	(915,402)	(354,506)	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	18,638,859	43,129,437	12,597,913	40,925,956
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT AM

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Perkara 24 Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang dan diperbadankan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.

Aktiviti utama Majlis adalah menjalankan urusan Zakat, Baitulmal, Wakaf dan lain-lain kegiatan yang berkaitan dengan Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Melalui aktiviti zakat pengagihan dibuat kepada lapan (8) asnaf iaitu Fakir, Miskin, Muallaf, Amil, Fisabilillah, al-Riqab, al-Gharimin dan Ibnu Sabil.

MUIP juga merupakan pemegang amanah yang tunggal bagi semua Wakaf di Negeri Pahang sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 70 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.

Manakala kegiatan utama syarikat subsidiari pula adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan prinsip-prinsip perakaunan diterima pakai umum di Malaysia. Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan asas akruan dan menurut kelaziman kos sejarah, kecuali dinyatakan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting.

Penyata Kewangan Kumpulan menyatukan Penyata Kewangan Majlis dan anak-anak syarikatnya bagi tahun 31 Disember 2015. Urusniaga di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga luaran sahaja kecuali bagi transaksi yang melibatkan Majlis dan anak syarikat berkaitan urusniaga Kumpulan Wang Zakat.

(b) Syarikat Subsidiari dan Asas Penyatuan

(i) Syarikat Subsidiari

Anak-anak syarikat adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut.

(ii) Asas Penyatuan

Penyata Kewangan yang disatukan merangkumi akaun Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dengan akaun beraudit syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan ini. Hasil syarikat subsidiari bagi tahun semasa telah disatukan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan kumpulan.

Akaun syarikat subsidiari disatukan dari tarikh berkuat kuasa pengambilan iaitu tarikh di mana kumpulan mempunyai kuasa dan terus disatukan hingga kuasa dilupuskan. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki urusniaga, dan hasil atau rugi laba belum direalisasikan di antara syarikat dihapuskan sepenuhnya. Polisi-polisi perakaunan seragam diterimapakai di dalam penyata kewangan disatukan bagi urusniaga dan peristiwa yang sama.

Pengambilan anak-anak syarikat diakaunkan dengan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti, dan liabiliti luarjangka pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilaikan sebagai agregat nilai saksama pada tarikh pertukaran aset-aset diberikan, liabiliti-liabiliti berlaku atau dijangka dan instrumen ekuiti diterbitkan, ditambah kos-kos lain yang secara langsung disebabkan pengambilalihan.

(c) Syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan jangka panjang di antara 20 hingga 50 peratus dan mempunyai pengaruh utama melalui perwakilan pengurusan dianggap sebagai syarikat bersekutu.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan disatukan pada kos yang diselaraskan kepada perubahan selepas pengambilalihan untuk bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu tersebut.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

(i) Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Tanah milik bebas, kerja dalam kemajuan dan tanah pegang pajak jangka panjang belum terima geran tidak disusutnilaikan. Tanah pegang pajak disusutnilaikan di sepanjang jangkamasa pajakan.

Bagi kesemua hartaanah, loji dan peralatan yang lain, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurusnya supaya memansuhkan kos setiap aset tetap di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai hartaanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Bangunan	2-10%
Alat-alat perkakas	10-20%
Alat kelengkapan pejabat dan perabot	10%
Kenderaan dan kelengkapan	20%
Alat-alat perabot hotel dan <i>coffee house</i>	10%
Komputer dan perisian	20%
Ubahsuai	10%

Perolehan hartaanah bagi tujuan agihan kepada asnaf tidak dipermodalkan. lanya akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat dan daftar aset Majlis bagi menunjukkan perolehan tersebut.

(ii) Perbelanjaan Penanaman Ladang

Perbelanjaan bagi penanaman ladang belum matang dibawa ke hadapan sebagai kos ladang belum matang dan ditunjukkan sebagai hartanah, loji dan peralatan di Lembaran Imbangan.

Perbelanjaan penanaman ladang berkaitan ladang yang matang diambilkira sebagai perbelanjaan hasil di Penyata Pendapatan.

(e) Kerja dalam Kemajuan

Perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan projek, bangunan dan pelbagai perbelanjaan yang secara langsung berkait dengannya dipermodalkan sebagai harta tetap setelah kerja-kerja projek selesai sepenuhnya.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diambilkira secara akruan bagi pendapatan-pendapatan yang diperolehi meliputi sewa, keuntungan pelaburan, dividen, sumbangan kerajaan negeri dan lain-lain pendapatan operasi yang diterima.

(g) Pelaburan

Pelaburan dalam syer tidak tersiarharga dinyatakan pada harga kos selepas peruntukan rosotnilai kekal.

Pelaburan portfolio dinyatakan pada harga terendah di antara harga pasaran dan kos.

(h) Lain-lain Pelaburan

Pelaburan-pelaburan jangka panjang lain dinyatakan pada kos tolak jumlah yang diperuntukkan bagi pengurangan tetap dalam nilai, jika ada.

(i) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran atas hutang ragu adalah sebanyak 2% atau kurang dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang laluk dilupuskan pada tempoh yang dikenalpasti.

(j) Pemuitang

Pemuitang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1220

[27hb Okt. 2016]

3. HARTANAH, LOII DAN PERALATAN

	Tanah Milik Bebas	Tanah Pajak Bebas	Bangunan	Pembaikan Bangunan	Ubahsuai	Kenderaan dan Kelengkapan	Alat-alat Perkakas	Ladang Kelapa Sawit	Ladang Getah	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN										
KOS										
Pada 1 Januari 2015	1,013,834	1,532,432	79,288,161	—	13,681,978	3,453,217	14,046,902	12,245,983	4,803,930	130,066,436
Tambahan	—	455,373	443,962	885,891	1,743,020	853,794	3,730,168	1,055,169	232,650	9,398,027
Pelupusan/pelunasan	—	—	(410,000)	(40,163,183)	(66,335)	(522)	(34,957)	—	—	(51,814)
Pelarasan	672,846	—	—	934,507	(754,758)	(145,000)	67,689	(80,330)	49,670	40,907,807
Pada 31 Disember 2015	<u>1,686,680</u>	<u>1,987,805</u>	<u>119,485,306</u>	<u>1,820,398</u>	<u>14,603,906</u>	<u>4,161,489</u>	<u>17,899,802</u>	<u>13,218,822</u>	<u>5,086,249</u>	<u>179,860,456</u>
SUSUT NILAI TERKUMPUL										
Pada 1 Januari 2015	—	252,538	7,646,553	—	1,414,577	2,285,431	6,140,213	—	—	17,739,312
Tambahan	—	30,455	1,588,102	—	1,027,148	437,424	1,406,297	457,336	203,450	5,150,213
Pelupusan/pelunasan	—	—	(155,800)	—	(32,619)	—	(36,110)	—	—	(224,528)
Pelarasan	—	—	2,558,973	—	38,899	—	173,14	415,210	192,157	3,205,411
Pada 31 Disember 2015	<u>—</u>	<u>282,993</u>	<u>11,660,710</u>	<u>—</u>	<u>2,427,220</u>	<u>2,722,855</u>	<u>7,708,995</u>	<u>872,546</u>	<u>395,608</u>	<u>26,070,923</u>
NILAI BUKU BERSIH										
Pada 31 Disember 2015	<u>1,013,834</u>	<u>1,704,812</u>	<u>28,500,795</u>	<u>(48,616)</u>	<u>13,634,884</u>	<u>1,728,634</u>	<u>9,314,842</u>	<u>12,506,936</u>	<u>4,591,303</u>	<u>153,789,533</u>
Pada 31 Disember 2014	<u>1,013,834</u>	<u>1,279,894</u>	<u>71,641,608</u>	<u>—</u>	<u>12,236,869</u>	<u>1,167,786</u>	<u>7,057,681</u>	<u>12,245,983</u>	<u>4,803,930</u>	<u>111,447,584</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1221

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1222

[27hb Okt. 2016]

4. KERJA DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Baki pada awal tahun	47,712,629	45,971,544	47,712,629	45,971,544
(-) Pindahan pada tahun semasa	(38,036,323)	(6,208,571)	(38,036,323)	(6,208,571)
(+) Pertambahan tahun semasa	2,719,227	7,949,657	2,719,227	7,949,657
Baki pada akhir tahun	12,395,533	47,712,629	12,395,533	47,712,629

Kerja Dalam Kemajuan merupakan perbelanjaan modal Majlis dalam projek-projek pembangunan dan pembelian harta tanah untuk menambahkan pemilikan harta Majlis.

Angka perbandingan bagi Kerja Dalam Kemajuan telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

5. PELABURAN SAHAM DAN BON

	KUMPULAN DAN MUIP	
	2015 RM	2014 RM
Pada Kos:		
Bon Islam	39,858,870	39,858,870
Pelaburan Syer Tersiarharga	37,179,787	46,868,026
Pelaburan Syer Tidak Tersiarharga	13,900,000	13,900,000
	90,938,657	100,626,896

Pelaburan yang dilaksanakan oleh Majlis di dalam saham yang selaras dengan Hukum Syarak.

Pelaburan Bon Islam, saham Syarikat Far East Holdings Berhad, saham BIMB Holdings Berhad dan saham Syarikat Takaful Malaysia Berhad diuruskan oleh pengurus dana Affin Hwang Asset Management Berhad yang dikenali sebagai Affin Fund Management Sdn. Bhd. sebelum ini.

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat subsidiari terdiri daripada 7 syarikat di mana MUIP mempunyai kepentingan jangka panjang dan mempunyai pengaruh utama melalui perwakilan pengurusan.

	MUIP	
	2015 RM	2014 RM
Kos Pelaburan		
Pusat Kutipan Zakat Pahang Sdn. Bhd.	200,002	494,004
Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.	3,448,740	1,947,740
Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.	10,751,825	9,251,825
MUIP Urus Sdn. Bhd.	8,989,872	7,965,877
MUIP Plantations Sdn. Bhd.	3,260,000	1,010,000
MUIP Education Sdn. Bhd.	266,000	266,000
MUIP Supermarket Group Sdn. Bhd.	21,979,594	12,600,000
	48,896,032	33,535,446

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1223

Senarai kepentingan Majlis dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti (%)		Modal Berbayar (RM)		Aktiviti Utama
	2015	2014	2015	2014	
Pusat Kutipan Zakat Pahang Sdn. Bhd.	100	100	200,002	200,002	Mengutip Zakat Harta
Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.	100	100	3,582,740	1,948,740	Klinik Pesakit Luar
Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.	90.19	90.19	5,125,031	5,125,031	Klinik Pesakit Luar/Bersalin
MUIP Urus Sdn. Bhd.	100	100	7,318,790	7,318,790	Perhotelan/Pam Petrol
MUIP Plantations Sdn. Bhd.	100	100	3,250,000	1,000,000	Perladangan
MUIP Education Sdn. Bhd.	100	100	516,002	266,002	Pendidikan
MUIP Supermarket Group Sdn. Bhd.	100	100	11,971,093	5,322,222	Pasaraya
			<hr/> 31,963,658	<hr/> 21,180,787	

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

KUMPULAN
2015 2014

Saham pada kos:

(i) Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad	10,728,333	10,728,333
(ii) Proassets Management Sdn. Bhd.	2,223,557	2,223,557
	<hr/> 12,951,890	<hr/> 12,951,890

Bahagian Keuntungan/(Kerugian)

(i) Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad	5,179,199	4,819,140
(ii) Proassets Management Sdn. Bhd.	1,126,493	1,167,273

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti (%)		Aktiviti Utama
	2015	2014	
(i) Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad	17	17	Perladangan
(ii) Proassets Management Sdn. Bhd.	40	40	Perhotelan

MUIP secara langsung merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat bersekutu di atas.

Penyatuan akaun kumpulan disediakan menggunakan penyata kewangan pra audit yang berakhir pada 31 Disember 2015 bagi Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad. sementara Proassets Management Sdn. Bhd. menggunakan penyata kewangan beraudit yang berakhir pada 31 Oktober 2015.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1224

[27hb Okt. 2016]

8. CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN	
	2015 RM	2014 RM
Terdiri daripada:		
Aset Cukai Tertunda	286,430	—
Liabiliti Cukai Tertunda	42,237	23,849
	<hr/>	<hr/>
	328,667	23,849
	<hr/>	<hr/>

9. INVENTORI

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Peralatan dan Perubatan	494,399	481,567	—	—
Besi	507,220	—	—	—
Benih Tanaman	21,863	—	—	—
Peralatan Pembersihan	16,335	23,001	—	—
Makanan dan Minuman	2,173	4,886	—	—
Petrol	35,895	—	—	—
Barangan Runcit dan Makanan Frozen	7,999,953	4,177,853	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada akhir tahun	9,077,838	4,687,307	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Inventori terdiri daripada inventori subsidiari iaitu Klinik Al Amin Sdn. Bhd., Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd., MUIP Urus Sdn. Bhd., MUIP Supermarket Group Sdn. Bhd. dan MUIP Plantations Sdn. Bhd.

Angka perbandingan bagi inventori telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

10. PENGHUTANG

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Penghutang Perniagaan	51,891,002	4,782,744	49,172,397	2,062,517
Sewa Premis	1,173,020	822,985	1,173,020	822,985
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	53,064,022	5,605,729	50,345,417	2,885,502
Tolak:				
Peruntukan Hutang Ragu	—	—	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	53,064,022	5,605,729	50,345,417	2,885,502
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Angka perbandingan bagi penghutang telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1225

11. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pelbagai Deposit dan Pendahuluan	310,350	328,718	30,817	9,285
Pelbagai Penghutang	32,453,948	1,473,061	31,389,804	584,653
	<hr/> <u>32,764,298</u>	<hr/> <u>1,801,779</u>	<hr/> <u>31,420,621</u>	<hr/> <u>593,938</u>
Tolak:				
Peruntukan Hutang Ragu	—	—	—	—
	<hr/> <u>32,764,298</u>	<hr/> <u>1,801,779</u>	<hr/> <u>31,420,621</u>	<hr/> <u>593,938</u>

Angka perbandingan bagi pelbagai penghutang dan deposit telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

12. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah tidak bercagar dan tiada tempoh bayaran balik yang ditetapkan.

13. PELABURAN MUDHARABAH

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Kumpulan Wang Zakat	175,537,194	149,463,559	175,537,194	149,463,559
Kumpulan Wang Baitulmal	2,137,095	2,128,426	2,137,095	2,128,426
	<hr/> <u>177,674,289</u>	<hr/> <u>151,591,985</u>	<hr/> <u>177,674,289</u>	<hr/> <u>151,591,985</u>

Pelaburan Mudharabah merupakan pelaburan jangka pendek di Institusi Kewangan Berlesen di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

Kadar keuntungan pelaburan di antara 2.5%-4.6%.

14. PELABURAN PORTFOLIO

	KUMPULAN	
	2015 RM	2014 RM
Affin Fund Management Sdn. Bhd.		
Syer tersiarharga	2,691,306	1,413,113
Tunai di Bank	618,872	1,602,544
Piutang oleh broker saham	—	—
	<hr/> <u>3,310,178</u>	<hr/> <u>3,015,657</u>
Jumlah pelaburan portfolio	<hr/> <u>3,310,178</u>	<hr/> <u>3,015,657</u>
Nilai pasaran pelaburan	<hr/> <u>3,385,033</u>	<hr/> <u>3,240,533</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1226

[27hb Okt. 2016]

Tiada peruntukan rosotnilai pelaburan portfolio dibuat kerana Majlis berpendapat bahawa ia adalah merupakan rosotnilai sementara.

15. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	KUMPULAN	
	2015 RM	2014 RM
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang Syarikat Subsidiari	12,597,913 5,541,859	40,925,956 1,241,503
	<hr/>	<hr/>
	18,139,772	42,167,459
	<hr/>	<hr/>

Tunai di tangan dan di bank Majlis adalah baki akaun-akaun semasa Majlis seperti berikut:

	MUIP	
	2015 RM	2014 RM
Akaun Zakat	7,977,907	38,507,801
Akaun Baitulmal	(83,299)	(1,581,291)
Akaun Wakaf	1,041,076	767,863
Akaun Amanah	1,291,464	856,214
Akaun Baitulmal Am	2,323,536	2,328,630
Akaun Semasa Lain	28,229	28,239
Tunai di Tangan	19,000	18,500
	<hr/>	<hr/>
	12,597,913	40,925,956
	<hr/>	<hr/>

Tunai di tangan dan di bank bagi Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

Angka perbandingan bagi pelbagai penghutang dan deposit telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

16. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pelbagai Pemiatang	41,854,637	7,261,352	39,013,298	4,043,805
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	41,854,637	7,261,352	39,013,298	4,043,805
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

17. WANG CAGARAN, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pelbagai Deposit	181,110	181,610	181,110	181,610
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	181,110	181,610	181,110	181,610
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1227

18. PEMBIAYAAN

	KUMPULAN	
	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	2,507,885	3,067,060
Faedah Tertunda	(700,299)	(832,431)
	<hr/>	<hr/>
Jumlah Ter hutang Dalam Tempoh 12 Bulan	1,807,586	2,234,629
	(558,558)	(558,558)
	<hr/>	<hr/>
Jumlah Ter hutang Selepas Tempoh 12 Bulan	1,249,028	1,676,071
	<hr/>	<hr/>

Pinjaman berjangka merupakan pinjaman oleh syarikat subsidiari Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd. sebanyak RM4,000,000 daripada intitusi kewangan berlesen di Malaysia. Tempoh pinjaman adalah 120 bulan dengan ansuran RM46,547 sebulan dengan kadar faedah 7.05% setahun.

Pinjaman berjangka juga termasuk pinjaman oleh Klinik Al-Amin Sdn. Bhd. daripada Majlis yang dikira sebagai pinjaman jangka panjang yang tiada tempoh bayaran balik yang tetap dan tanpa sebarang faedah.

Angka perbandingan bagi pembiayaan telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

19. SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	KUMPULAN		MUIP	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	3,599,968	3,999,965	3,599,968	3,999,965
Tambahan/(Kurangan) pada	(399,997)	(399,997)	(399,997)	(399,997)
tahun semasa				
Baki pada 31 Disember	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	3,199,971	3,599,968	3,199,971	3,599,968

Sumbangan kerajaan persekutuan yang diterima untuk pembinaan bangunan pejabat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

20. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

(a) Kumpulan Wang Zakat

	KUMPULAN DAN MUIP	
	2015 RM	2014 RM
KUTIPAN		
Zakat Fitrah	6,821,889	6,903,247
Zakat Emas	631,608	513,674
Zakat Perniagaan	53,425,998	39,933,516
Zakat Tanaman	142,926	128,497
Zakat Ternakan	223,590	201,860
Zakat Wang	85,960,034	62,257,465
	<hr/>	<hr/>
	147,206,045	109,938,259

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1228

[27hb Okt. 2016]

KUMPULAN DAN MUIP

2015	2014
RM	RM

LAIN-LAIN PENDAPATAN

Keuntungan Pelaburan	7,714,574	6,583,580
Pelbagai Pendapatan	6,456,844	1,903,521
	<hr/>	<hr/>
	14,171,418	8,487,101
	<hr/>	<hr/>
	161,377,463	118,425,360
	<hr/>	<hr/>

AGIHAN

Fakir	14,036,943	12,579,420
Miskin	13,250,455	10,073,983
Amil	18,400,756	14,909,882
Muallaf	6,488,166	5,818,532
Fisabilillah	60,333,977	55,688,903
Ibnu Sabil	632,027	354,312
Gharimin	40,157	33,598
Riqab	239,460	199,636
	<hr/>	<hr/>
	113,421,941	99,658,266
	<hr/>	<hr/>
LEBIHAN/(KURANGAN)	47,955,522	18,767,094
	<hr/>	<hr/>

(b) Kumpulan Wang Baitulmal

PENDAPATAN

Hasil Sumber Am		
Sewaan	4,550,888	4,097,285
Sewa petak letak kereta	1,776	2,330
Keuntungan Mudharabah/Pelaburan	616,785	35,322
Dividend Syarikat Bersekutu	6,856,454	4,839,850
Bayaran perkhidmatan - Rumah	259	488
Bayaran perkhidmatan - Komputer	1,607	2,452
Terimaan Baitulmal yang Tidak Dikenalpasti	46,684	—

Hasil Agama

Baitulmal	632,728	312,811
Bahagian Amil-MUIP	11,023,880	8,000,000
Yuran Pendaftaran Peguam Syarie	1,980	3,870
Pembaharuan Sijil Amalan Tahunan	7,100	8,650
Sijil Tanda Halal	74,700	55,750
Sewa Van Jenazah	150	778
	<hr/>	<hr/>
	23,814,992	17,359,586
	<hr/>	<hr/>

LAIN-LAIN PENDAPATAN

Hibah-Baitulmal	14,507	10,100
Pemberian Kerajaan Negeri	—	500,000
Pemberian Kerajaan Persekutuan Tertunda	399,997	399,997
direalisasikan		

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

27hb Okt. 2016]

1229

	KUMPULAN DAN MUIP	
	2015	2014
	RM	RM
Pelbagai Terimaan Baitulmal	61,771	389,732
Pelbagai Pendapatan	—	—
Keuntungan Pelupusan Aset Tetap	5	—
	<hr/>	<hr/>
	476,280	1,299,829
	<hr/>	<hr/>
	24,291,272	18,659,416
	<hr/>	<hr/>

PERBELANJAAN

Emolumen & Upahan	3,189,590	3,213,481
Bekalan & Bahan	948,005	703,544
Perjalanan & Sara Hidup	508,697	644,340
Perhubungan & Utiliti	789,308	1,048,584
Penyelenggaraan & Pembaikan	2,847,358	2,811,253
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	7,548,588	5,789,673
Perkhidmatan Akaun & Audit	14,698	15,781
Pelbagai Belanja	446,404	752,623
Kenaan & Caj Perkhidmatan	882,403	909,612
Susutnilai Aset Tetap	3,130,015	1,982,266
	<hr/>	<hr/>
	20,305,067	17,871,157
LEBIHAN/(KURANGAN)	<hr/>	<hr/>
	3,986,205	788,259
	<hr/>	<hr/>

(c) Kumpulan Wang Amanah

PENDAPATAN

Wang Amanah	380,000	402,420
Sumbangan	44,000	—
Pelbagai Pendapatan	6,495	15,651
	<hr/>	<hr/>
	430,495	418,071
	<hr/>	<hr/>

PERBELANJAAN

Gaji & Upahan	—	308,853
Perjalanan & Pengangkutan	1,950	65,733
Perbelanjaan Lain	1	36
	<hr/>	<hr/>
	1,951	374,622
	<hr/>	<hr/>
LEBIHAN/(KURANGAN)	428,544	43,449
	<hr/>	<hr/>

(d) Kumpulan Wang Wakaf

PENDAPATAN

Jualan Saham Wakaf	321,597	229,197
Keuntungan Pelaburan	27,420	37,113
Pelbagai Pendapatan	2,225	1,948
	<hr/>	<hr/>
	351,241	268,258
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1230

[27hb Okt. 2016]

	KUMPULAN DAN MUIP	
	2015	2014
	RM	RM
PERBELANJAAN		
Sumbangan/Bantuan Wakaf Kenaan & Caj Perkhidmatan	78,000 38	38,000 10
	78,038	38,010
LEBIHAN/(KURANGAN)	273,204	230,248
	273,204	230,248

(e) Kumpulan Wang Baitulmal Am

	PENDAPATAN	
	2015	2014
	RM	RM
PENDAPATAN		
Keuntungan Pelaburan Pelbagai Pendapatan	4,625 14,344	— 63,326
	18,969	63,326

	PERBELANJAAN	
	2015	2014
	RM	RM
PERBELANJAAN		
Sumbangan	23,785	16,995
	23,785	16,995
LEBIHAN/(KURANGAN)	(4,816)	46,331
	(4,816)	46,331

(f) Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari

	2015	2014
	RM	RM
PENDAPATAN		
Pendapatan Operasi (-) Kos Langsung	47,323,171 (28,884,431)	19,941,265 (6,594,830)
	18,438,740	13,346,435
Untung Kasar Lain-lain Pendapatan	1,128,791	556,581
	19,567,531	13,903,016

	PERBELANJAAN	
	2015	2014
	RM	RM
PERBELANJAAN		
(-) Belanja Pentadbiran & Operasi	(22,704,182)	(17,106,292)
Keuntungan dari Operasi (-) Kos Kewangan	(3,136,651) (2,505)	(3,203,276) (5,179)
Keuntungan Syarikat Sebelum Cukai dan Zakat (-) Cukai (-) Zakat	(3,139,156) 65,366 (1,541)	(3,208,455) (41,580) (11,861)
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai dan Zakat Kepentingan Minoriti	(3,075,331) 208	(3,261,896) 1,156
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	(3,075,123)	(3,260,740)

21. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang mengambil tindakan undang-undang terhadap Far East Holdings Berhad (FEHB) dan Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn.) Berhad. (KAOP) atas perlenggaran Perjanjian bertarikh 16 Januari 1992 di antara FEHB, KAOP dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dalam perlaksanaan Opsyen 1 dan Opsyen 2 dan kenaikan dalam Modal Berbayar KAOP.

Prosiding mahkamah masih berjalan sehingga ke tarikh penyediaan penyata kewangan tahun 2015.

22. ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan tertentu di dalam penyata kewangan telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan tahun semasa dengan tidak memberi apa-apa kesan ke atas kedudukan kewangan tahun berkenaan.

ENAKMEN RIZAB MELAYU**[N.M.B Bab 142]****MALAY RESERVATIONS ENACTMENT****[F.M.S Cap. 142]****No. 1662.****PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)****DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang, mengisyiharkan tanah seluas 0.9079 hektar, yang dikenali sebagai Lot 989 (G.M. 92), Mukim Hulu Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 87530 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Kampung Seberang Kolek.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 0.9079 hectare, known as Lot 989 (G.M. 92), Mukim of Hulu Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 87530 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, to be a Malay Reservation and to be known as Kampung Seberang Kolek Malay Reservation.

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016 DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
[PTK. 3/5/106 SJ.227] *Menteri Besar
Pahang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1232

[27hb Okt. 2016]

No. 1663.

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang, mengisyiharkan tanah seluas 50.72 hektar, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5186 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Paya Besar (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 50.72 hectares, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5186 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, to be a Malay Reservation and to be known as Paya Besar Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016 DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
[PTK. 3/5/106-232]

Menteri Besar
Pahang

No. 1664.

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 20261 meter persegi, Mukim Penor, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 90893 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Penor menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 7095 yang disiarkan pada 3 Februari 1939, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 20261 square metres, Mukim of Penor, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 90893 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Penor Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government Gazette No. 7095 published on the 3 February 1988, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016 DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
[PTK. 3/5/106-231]

Menteri Besar
Pahang

No. 1665.

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 10.91 hektar, Mukim Penor, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5187 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Penor menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 480 yang disiarkan pada 23 Jun 1988, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 10.91 hectares, Mukim of Penor, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5187 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Penor Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 480 published on the 23 June 1988, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016 DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
[PTK. 3/5/106-228] *Menteri Besar*
Pahang

No. 1666.

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 0.8546 hektar, yang dikenali sebagai Lot 2702 (G.M. 1370), Mukim Beserah, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 92125 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Beserah menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 4945 yang disiarkan pada 7 Oktober 1921, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 0.8546 hectare, known as Lot 2702 (G.M. 1370), Mukim of Beserah, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 92125 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1234

[27hb Okt. 2016]

Beserah Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 4945 published on the 7 October 1921, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016 DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

[PTK. 3/5/106 SJ. 227]

Menteri Besar

Pahang

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 1667.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 700 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 20883, Mukim Mentakab, Daerah Temerloh yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 131587, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan, di Taman Sempalit Permai, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 700 square metres, known as Lot 20883, Mukim of Mentakab, District of Temerloh as delineated upon Survey Plan No. P.A. 131587, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose to wit a site for Sewerage Service and System, at Taman Sempalit Permai, to be under the control of the Federal Land Commissioner and maintained by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 7 Februari 2016

Dated 7 February 2016

[PTT. 370/07/2013/05]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA

BIN SYED ABDUL RAHMAN

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pahang/

Clerk of Council

State of Pahang

No. 1668.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 11.00 hektar, yang dikenali sebagai Lot 22458, Mukim Perak, Daerah Temerloh yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 141044, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Gelanggang Sukan, di belakang Sekolah Kebangsaan Tanjung Lalang, di bawah kawalan Pegawai Daerah Temerloh.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 11.00 hectares, known as Lot 22458, Mukim of Perak, District of Temerloh as delineated upon Survey Plan No. P.A. 141044, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose to wit a site for Sports Court, behind Sekolah Kebangsaan Tanjung Lalang, to be under the control of the Temerloh District Officer.

Bertarikh 7 Februari 2016

Dated 7 February 2016
[PTT. 370/72/2007/12(P)]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 1669.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

